

TARIKH	27 / 2 / 2014	SEKSYEN	NOVA
MUKA SURAT	9	RUANGAN	

BH 27 FEBRUARI 2014 @ KHAMIS

## Prestasi pendapatan membanggakan TH

**» Beri nilai tambah pada pendeposit, tonggak kejayaan ekonomi ummah**

Oleh Habsah Dinin  
ecah@bh.com.my

Lembaga Tabung Haji (TH) sudah mencecah 50 tahun usia kematangannya dan memperlihatkan kecemerlangan dalam pengurusan dana tanpa mengabaikan aktiviti terasnya iaitu menawarkan perkhidmatan pengurusan haji dan tabung yang berkualiti.

Prestasi kewangan membanggakan yang dicatatkan pada 2013 membuktikan kelestariannya dalam memperkasakan ekonomi ummah di negara ini sejajar usia kematangannya.

### TH catat sejarah

Pengarah Urusan Kumpulan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Paduka Ismee Ismail, berkata TH mencatat sejarah apabila julung kalinya memperoleh pendapatan melebihi RM3 bilion tahun lalu dengan keuntungan selepas zakat dicatat melebihi RM2 bilion buat kali kedua berturut-turut.

Pendapatan keseluruhan TH bagi 2013 ialah RM3.7 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM951 juta atau 34 peratus berbanding 2012, sebanyak RM2.8 bilion.

"Pendapatan ini melebihi tiga kali ganda pendapatan TH pada 2006," jelas Ismee lagi.

Keuntungan bersih selepas zakat juga tambahannya, meningkat lebih empat kali ganda berbanding 2006.

Pada 2013, TH mencatat keuntungan selepas zakat hampir RM2.6 bilion berbanding RM2.1

bilion pada 2012. Jumlah ini menunjukkan peningkatan 23 peratus.

Keuntungan itu memberi nilai tambah sebanyak RM11.8 bilion kepada dana pendeposit sejak 2006.

Jelasnya, pendapatan TH yang meningkat tahun lalu banyak disumbang oleh langkah pelan, perniagaan dan pelaburan berkesan dilaksanakan TH.

"TH mengamalkan pengurusan risiko berhemah dan operasi pengurusannya yang mantap memacu ke arah pengukuhan kedudukan TH dalam sektor pelaburan berlandaskan patuh syariah," ujarnya.

### Wawasan TH

Wawasan TH ialah menjadi tonggak kejayaan ekonomi ummah menerusi pengurusan haji terbilang. Dalam mencapai wawasan ini, TH beriltiham memperkasakan ekonomi ummah, giat mencari pelaburan strategik global dan tempatan bagi pertumbuhan berterusan, mengembang dan memperkaya modal pendeposit, memberikan perkhidmatan cemerlang berterusan, memudah dan menyempurnakan urusan jemaah ke arah haji mabrur dan memberi pulangan kompetitif, halal dan dibenarkan.

Ismee juga berkata, prestasi TH yang konsisten mencerminkan komitmen dan usaha berterusan Jemaah Lembaga Pengarah, ahli panel pelaburan, pengurusan dan seluruh warga kerja TH dalam memastikan penajanan pulangan pendapatan yang baik dan berterusan kepada TH.

Dalam perkembangan sama, Ismee berkata, pada 2013, jumlah aset pelaburan TH mencatatkan pertumbuhan sihat sebanyak 20 peratus kepada RM47.9 bilion berbanding RM39.8 bilion pada 2012.

"Pertumbuhan positif ini hasil alokasi taktikal pelaburan dan tabung konsisten pendeposit

### INFO

#### Pendapatan kasar TH dari 2006 hingga 2013

- 2006 - RM1.165 bilion
- 2007 - RM1.857 bilion
- 2008 - RM1.513 bilion
- 2009 - RM1.751 bilion
- 2010 - RM2.055 bilion
- 2011 - RM2.175 bilion
- 2012 - RM2.779 bilion
- 2013 - RM3.730 bilion

#### Dana pendeposit TH dari 2006 hingga 2013

- 2006 - RM14.743 bilion
- 2007 - RM17.08 bilion
- 2008 - RM20.576 bilion
- 2009 - RM23.59 bilion
- 2010 - RM27.115 bilion
- 2011 - RM31.694 bilion
- 2012 - RM38.284 bilion
- 2013 - RM43.1 bilion



Pelaburan berkesan memberi pulangan sekali gus meningkatkan keyakinan terha



"Namun pendapatan menerusi sewaan, pembiayaan dan lain-lain meningkat kepada 18 peratus pada 2013 berbanding hanya 11 peratus pada 2012," ujarnya.

Sektor pelaburan hartanah serta sektor industri minyak dan gas adalah antara portfolio pelaburan jangka panjang TH yang menjaga keuntungan.

Sementara portfolio pendapatan tetap TH pula terdiri daripada sukuk, kertas komersil, instrumen boleh niaga, instrumen pasaran wang jangka pendek dan jangka sederhana serta pembiayaan anak syarikat.

### Pelaburan ekuiti TH

Pelaburan ekuiti TH membabitkan perladangan, perkhidmatan, kewangan, pembinaan, produk industri, hartanah dan reits; produk pengguna, infrastruktur dan teknologi.

"Objektif pelaburan ekuiti ia-



**"TH mengamalkan pengurusan risiko berhemah, operasi pengurusan mantap yang memacu pengukuhan kedudukan TH dalam sektor pelaburan berlandaskan patuh syariah"**

Ismee Ismail, Pengarah Urusan Kumpulan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif TH

...a pendeposit...  
...buran da...  
...parliam...  
...kompet...  
...bang kep...  
...dapatan...  
...a pendeposit...  
...buran dalam...  
...parliam...  
...kompetitif...  
...bang kepala...  
...dapatan TH...  
...an je...  
...di ms...  
...ga 30...  
...ken se...  
...perpa...  
...mpor...  
...ra de...  
...asa...  
...IGTH...  
...kuli...  
...cara...  
...jebti mel...  
...danga...  
...naga ba...  
...polisi...  
...den sejar...  
...tetapak...  
...perpattu...  
...n portfoli...  
...ra dengan...  
...h dan te...  
...asa dip...  
...didimat...  
...asa, uar...  
...berubi...  
...TH ialah...  
...kuli tidak...  
...cara aktif...  
...TH ju...  
...an dan...  
...lapan op...  
...posit ke...  
...an berla...  
...d Dhama...  
...tetapkan...  
...praktikkan...  
...h dan te...  
...asa dip...  
...didimat...  
...berubah...  
...TH juga...  
...an dan so...  
...posit ke...  
...an berla...  
...d Dhama...  
...ana ini...  
...n Hal...  
...Corpor...  
...n Hal Ehw...  
...Korporat Ku

n Hal...  
Corpor...

n Hal Ehw...  
Korporat Ku

lah...  
panj...  
keun...  
dan...  
deng...  
diat...  
pelat...  
kead...  
nya...  
Jen...  
skuit...  
terca...  
untul...  
timu...  
garis...  
TH...  
perbe...  
kawa...  
ngar...  
luara...  
dan...  
Is...  
meng...  
kong...  
pada...  
daska...  
nah...  
AL 09

Ko